



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENOLONG PENGAWAL KASTAM (B.3)
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PENOLONG PENGAWAL KASTAM
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Sains Kemasyarakatan / Undang-Undang atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sebagai Penguasa Kastam Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) i) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sebagai Penguasa Kastam Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mempunyai Laporan Pernilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun sebelumnya.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menerima arahan daripada Pengawal / Timbalan Pengawal serta melaporkan balik;
2. Bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan hal ehwal disiplin dan prestasi kakitangan, kewangan termasuk hasil dan peruntukan, logistik bahagian-bahagian yang dipertanggungjawabkan;
3. Menyediakan laporan tahunan bahagian-bahagian yang dipertanggungjawabkan;
4. Diberi kuasa untuk menandatangani persuratan dan permohonan bagi pihak pengawal di dalam bidang tugas yang dipertanggungjawabkan;
5. Melaporkan perkembangan dan kemajuan projek bahagian masing-masing dari semasa ke semasa;
6. Mengadakan muzakarah / perbincangan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam bahagian yang dipertanggungjawabkan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali;
7. Menilai prestasi pegawai-pegawai di bawah jagaan; dan
8. Mewakili Jabatan di dalam mesyuarat / persidangan / perjumpaan di dalam dan di luar negeri.